

27/01/2002

Majlis perpaduan meriah

KUALA LUMPUR: Lebih 30,000 orang menghadiri majlis sambutan Mega Perpaduan 2002 yang diadakan julung kali bagi meraikan rakyat pelbagai kaum.

Dengan bertema `Satu' yang menggambarkan pelbagai kelompok masyarakat bergabung menjadi satu, majlis anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat itu dihiasi dengan pelbagai persembahan semua kaum utama di negara.

Majlis itu antara lain bertujuan meningkatkan penghayatan rakyat di negara ini mengenai pentingnya perpaduan kaum dan integrasi nasional bagi menjamin kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

Majlis dirasmikan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, turut dihadiri Raja Permaisuri Agong; Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Hendon Mahmud, serta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

(END)